Lee Kam Chong dan satu lagi lwn Chin Yit Onn

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO MT4–12–37 TAHUN 2007
KAMARDIN HASHIM PK
24 MARCH 2009

Ganti rugi — Kemalangan jalanraya — Kuantum — Rayuan — Kecederaan kepada radius kiri — Sama ada kecederaan timbul akibat dari kemalangan jalanraya — Kehilangan pendapatan sebenar dan separa — Sama ada tuntutan ganti rugi khas plaintif pertama telah dibuktikan — Kos perubatan — Plaintif pertama berpindah hospital — Sama ada rawatan bagi kecederaannya tidak terdapat di hospital terdahulu — Sama ada rawatan di hospital baru wajar

Plaintif pertama merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang menolak tuntutannya terhadap empat item ganti rugi am dan ganti rugi khas seperti berikut (a) kecederaan kepada radius kiri; (b) kehilangan pendapatan sebenar; (c) kehilangan pendapatan separa; dan (d) kos perubatan dari Singapore General Hospital. Plaintif pertama mengalami kemalangan jalanraya pada 18 Ogos 2000 dan telah dihantar terus ke Hospital Sultanah Aminah ('HSA') untuk rawatan. Pada malam yang sama kira-kira 4 jam selepas kemalangan, plaintif pertama telah 'discharge' dari hospital tersebut dan masuk ke Singapore General Hospital ('SGH'). Bagi kecederaan kepada radius kiri, plaintif berhujah bahawa HMS telah silap dalam keputusannya yang tidak membuat award untuk item ini. Dalam alasan penghakiman, HMS menyatakan plaintif gagal membuktikan bahawa kecederaan kepada radius kiri timbul akibat dari kemalangan ini. Plaintif berhujah bahawa HMS telah gagal untuk merujuk kepada laporan perubatan dari SGH serta dua laporan pakar iaitu laporan pakar plaintif dan laporan pakar defendan sendiri yang ada menyebutkan bahawa plaintif pertama telah mengalami kecederaan kepada radius kiri. Selain dari itu, HMS juga telah gagal mengambilkira dua surat penjelasan daripada doktor HSA yang menyatakan ada kemungkinan bahawa plaintif pertama telah mengalami kecederaan kepada radius kiri dalam kemalangan jalanraya yang dialami beliau. Plaintif juga berhujah bahawa HMS telah membuat kesilapan di sisi undang-undang dan fakta apabila gagal memberikan award untuk kehilangan pendapatan penuh/sebenar pada kadar SD2,880 sebulan untuk selama enam tahun empat bulan walaupun HMS menerima keterangan bahawa plaintif bekerja sebagai tukang kayu di Singapura. Seterusnya, plaintif berhujah bahawa HMS silap apabila gagal memberi award untuk kehilangan pendapatan sebahagian (partial loss) bagi tempoh selepas perbicaraan.

Selanjutnya plaintif berhujah bahawa HMS telah membuat kesilapan apabila hanya membenarkan 1/3 daripada jumlah RM16,305.56 yang telah dibayar sendiri oleh plaintif kepada hospital di Singapura. Beliau mengatakan HMS gagal mengambilkira jumlah keseluruhan bil-bil rawatan plaintif di Singapura iaitu sebanyak RM100,521.83. Plaintif juga berhujah bahawa beliau pindah ke SGH bertujuan untuk mendapatkan 'government grant' sebanyak 80% oleh kerana plaintif bekerja di Singapura.

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan plaintif pertama dengan kos:

(1) Kecederaan radius kiri plaintif hanya pertama kali dikesan oleh doktor yang merawat beliau di SGH. Kecederaan ini kemudiannya disahkan oleh dua doktor pakar yang memeriksa plaintif. Plaintif telah berpindah dari HSA ke SGH 4 jam selepas kemalangan dan dalam tempoh tersebut plaintif tidak terlibat dengan apa-apa kemalangan yang lain, oleh itu tidak berlaku putus rantaian kejadian. Atas alasan tersebut, adalah selamat untuk mahkamah menggangap dan memutuskan bahawa kecederaan radius kiri plaintif terbit akibat daripada kemalangan jalanraya tersebut (lihat perenggan 8 & 9).

(2) Kehilangan pendapatan sebenar dan kehilangan pendapatan separa merupakan item gantirugi khas. Prinsip undang-undang matan bahawa setiap tuntutan gantirugi khas hendaklah dibuktikan dengan ketat. Begitu juga sesuatu dokumen tidak akan diterima sebagai keterangan hanya dengan semata-mata dikemukakan kepada mahkamah dan ditandakan sebagai ekshibit sehingga pembuat dokumen itu dipanggil dan disoal-balas. Plaintif pertama telah gagal untuk membuktikan kehilangan pendapatannya. Mahkamah tidak boleh memetik satu angka begitu sahaja tanpa bukti yang kukuh bagi membenarkan tuntutan plaintif di sini (lihat perenggan 15 & 17).

(3) Alasan plaintif kerana mendapatkan rawatan di Singapura untuk mendapatkan 'government grant' bukanlah asas sebenar yang membolehkan untuk tuntutan sepenuhnya kos rawatan di Singapura dibenarkan oleh mahkamah. Justifikasi yang sepatutnya diberikan oleh plaintif adalah oleh kerana rawatan bagi kecederaannya tidak terdapat di HSA. Ini telah gagal dibuktikan oleh plaintif. Kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah kecederaan-kecederaan yang biasa dan rawatan yang setara boleh diperolehi di HSA dengan belanja yang sangat minima, boleh jadi tak sampai pun RM16,000. Tidak juga dibuktikan oleh plaintif rawatan di SGH jauh lebih baik dari di Johor Bahru (lihat perenggan 19).

[English summary

The first plaintiff appealed against the sessions court judge's decision ('SCJ')

in dismissing his claim against four items on general damages and special damages as follows: (a) injury to the left radius; (b) loss of actual earnings; (c) loss of partial earnings; and (d) medical costs from Singapore General Hospital. The first plaintiff was involved in a road accident on 18 August 2000 and was immediately rushed to the Sultanah Aminah Hospital ('SAH') for treatment. On the same night about four hours after the accident, the first plaintiff was discharged from the said hospital and was admitted to the Singapore General Hospital ('SGH'). As for the injury to the left radius, the plaintiff submitted that the SAH had made a mistake in its decision for not making an award for this item. In the grounds of judgment, the SCJ stated that the plaintiff had failed to prove that the injury to the left radius was due to this accident. The plaintiff submitted that the SCJ had failed to refer to the medical report from SGH and the two expert reports, ie the plaintiff's expert report and the defendant's own expert report which stated that the first plaintiff had suffered injury to the left radius. Apart from that, the SCJ had also failed to consider the two explanation letters from the SAH doctor who stated that there was a possibility that the first plaintiff had suffered injury to the left radius in the road accident he was involved. The plaintiff also submitted that the SCJ had erred in law and fact in failing to make an award for loss of actual earnings at a rate of SD2,880 monthly for six years for months even though the SCJ had admitted the evidence that the plaintiff worked as a carpenter in Singapore. Further, the plaintiff submitted that the SCJ had erred when failing to make an award for loss of partial earnings for post judgment period. Further the plaintiff submitted that the SCJ had erred when he only granted 1/3 from the amount of RM16,305.56 that the plaintiff had paid himself to the hospital in Singapore. He stated that the SCJ had failed to consider the total sum of the plaintiff's treatment bills in Singapore which amounted to RM100,521.83. The plaintiff also submitted that he transferred to SGH in order to obtain the government grant of 80% as he was working in Singapore.

Held, allowing part of the first plaintiff's appeal with costs:

(1) The plaintiff's left radius injury was only detected for the first time by the doctor who treated him at SGH. Subsequently the injury was confirmed by two medical experts who examined the plaintiff. The plaintiff had transferred from SAH to SGH four hours after the accident and within that period the plaintiff was not involved in any other accident, therefore there was no break in the chain of event. On this ground, it was safe for the court to assume and decide that the plaintiff's left radius injury was due to the road accident (see para 8 & 9).

(2) The loss of actual earnings and the loss of partial earnings are special

damages items. The principles of settled law are that every special damages claim ought to be strictly proven. Similarly a document cannot be admitted as evidence only by producing it to court and marked as an exhibit until the maker of the document had been called upon and cross-examined. The first plaintiff had failed to establish his loss of earnings. The court could not quote a figure without any conclusive evidence to allow the plaintiff's claim (see para 15 & 17).

(3) The plaintiff's reason for seeking treatment in Singapore in order to obtain the government grant was not the actual basis that enabled him to claim the total cost of treatment in Singapore allowed by the court. The justification that ought to be given to the plaintiff was that the treatment for his injury was not available in SAH. The plaintiff had failed to prove this. The injuries suffered by the plaintiff were common injuries and the same treatment could have been obtained in SAH with minimal cost, maybe not more than RM16,000. The plaintiff also had not proved that the treatment in SGH was much better than in Johor Bahru (see para 19).]

Nota-Nota

Untuk kes-kes mengenai kuantum, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 476–477.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Wahab Jam Jam v Abdul Wahab Abdullah & Anor [2008] 7 MLJ 277; [2008] 7 CLJ 741, MT (dirujuk)
Allied Bank (M) Bhd v Yau Jiok Hua [1998] 6 MLJ 1, MT (dirujuk)
Chai Yee Chong v Lew Thai [2004] 2 MLJ 465; [2004] 2 CLJ 321, CA (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Hj Idris & Ors [1977] 1 MLJ 180, HC (dirujuk)
R Januari bin Ramalan v Fong Seng Yong (1991) MMD para 875 (dirujuk)
Shamsudin bin Shafie lwn Lim A Kau [2002] 7 MLJ 326, MT (dirujuk)
Tan Her Chia v Yeow Wuen Hau [2007] 1 LNS 164, MT (dirujuk)

HS Mann (Teo & Associates) bagi pihak perayu/plaintif.
R Ramachandran (Nijar, Kumar, Netto & Partners) bagi pihak responden/defendan.

Kamardin Hashim PK:

[1] Ini adalah rayuan plaintif pertama terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Johor Bahru (HMS) yang memutuskan menolak tuntutan terhadap 4 item ganti rugi am dan ganti rugi khas seperti berikut:

(a) Kecederaan kepada radius kiri;

(b) Kehilangan pendapatan sebenar;

(c) Kehilangan pendapatan separa; dan

(d) Kos perubatan dari Singapore General Hospital.

[2] Rayuan ini hanya terhadap isu kuantum sahaja. Untuk memudahkan, saya akan membincangkan empat item tersebut satu persatu.

Item (a) Kecederaan kepada radius kiri

[3] Peguam plaintif berhujah bahawa HMS telah hanya merujuk kepada laporan perubatan awal dimana tidak disebutkan plaintif pertama telah mengalami kecederaan kepada radius kiri. HMS telah gagal untuk merujuk kepada laporan perubatan dari Singapore General Hospital serta dua laporan pakar iaitu laporan pakar plaintif dan laporan pakar defendan sendiri yang ada menyebutkan bahawa plaintif pertama telah juga mengalami kecederaan kepada radius kiri. Selain dari itu, HMS juga telah gagal mengambil kira dua surat penjelasan daripada doktor Hospital Sultanah Aminah yang menyatakan ada kemungkinan bahawa plaintif pertama telah mengalami kecederaan kepada radius kiri dalam kemalangan jalanraya yang dialami beliau dalam kes ini yang berlaku pada 18 Ogos 2000.

[4] Plaintif pertama mengalami kemalangan jalanraya pada jam lebih kurang 8.30 malam dan terus dihantar ke Hospital Sultanah Aminah. Plaintif pertama telah menerima rawatan permulaan di wad kecemasan di mana beliau telah dilihat oleh seorang Dr Ooi Say Hong. Laporan perubatan pertama yang disediakan oleh Dr Ooi Say Hong tidak menyebutkan tentang apa-apa kecederaan terhadap radius kiri plaintif pertama (laporan perubatan di ms 289 rekod rayuan). Dr Ooi Say Hong bagaimanapun telah berhenti dari perkhidmatan kerajaan dan gagal dikesan untuk mendapatkan klarifikasi beliau berkaitan kecederaan radius kiri plaintif. Penjelasan tentang kecederaan plaintif telah diberikan oleh Dr Suzaida bt Abdul Wahab yang menyatakan 'the probability of patient sustained the above injuries that you have noted will still be there'. Pemeriksaan lengkap dan selanjutnya terhadap keseluruhan kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama di Hospital Sultanah Aminah tidak dapat diteruskan oleh kerana plaintif telah seperti yang dinyatakan oleh Dr Suzaida bahawa 'patient planned for admission to orthopaedic ward but took at own risk (AOR) discharged to go to Singapore Hospital' (laporan penjelasan oleh Dr Suzaida bt Abdul Wahab di ms 341 dan 343 rekod rayuan). Oleh itu jika sekiranya plaintif kekal di Hospital Sultanah Aminah maka status kecederaan radius kiri beliau boleh diketahui dan disahkan.

[5] Plaintif pertama telah 'AOR discharge' daripada Hospital Sultanah

Aminah dan masuk ke Singapore General Hospital pada malam yang sama kira-kira 4 jam selepas kemalangan. Plaintif pertama telah diwadkan sehingga 23 September 2000 dan sepanjang tempoh tersebut telah menjalani beberapa pembedahan dan 'fixation'. Kemudiannya plaintif telah dirujuk kepada pakar otopedik bagi pesakit luar hospital yang sama (laporan perubatan dari Singapore General Hospital di ms 297 dan 340 rekod rayuan). Laporan perubatan oleh Dr Inderjeet Singh Rikhraj juga tidak ada menyebutkan dengan jeias tentang kecederaan kepada radius kiri plaintif. Apa yang disebutkan hanyalah 'bilateral volar barton's fracture' tetapi tidak dinyatakan sama ada ditangan kiri atau ditangan kanan.

[6] Plaintif pertama telah dirujuk kepada pakar bedah otopaedik yang dilantik oleh peguam plaintif iaitu Dr A Ramachandran dari Kelinik Setia and Surgery pada 14 April 2002 iaitu satu tahun lapan bulan selepas kemalangan. Menurut Dr A Ramachandran, terdapat kecederaan di radius kiri plaintif yang diterangkan seperti berikut (laporan pakar Dr A Ramachandran di ms 317 hingga 320 rekod rayuan):

> 2. *Left Wrist and Forearm*: There are evidence of a fracture of the lower part of the radius that has been internally fixed with metallic implants. The fracture has united nicely. The particular surface is smooth.

[7] Plaintif pertama juga telah dirujuk kepada doktor pakar pilihan defendan iaitu Dr Nerash NS dari Johor Specialist Hospital (laporan pakar tersebut di ms 370 hingga 376 rekod rayuan). Doktor pakar itu telah memeriksa plaintif pada 17 Januari 2005 iaitu kira-kira empat tahun lima bulan selepas kemalangan. Dalam laporan pakar tersebut dengan jelas menyatakan bahawa plaintif telah mengalami kecederaan 'Bilateral Volar Barton's fractures of both the left and right radius'.

[8] Peguam defendan berhujah bahawa HMS tidak silap dalam keputusannya yang tidak membuat award untuk item ini. Dalam alasan penghakiman HMS menyatakan plaintif gagal membuktikan bahawa kecederaan kepada radius kiri timbul akibat dari kemalangan ini. Sebaliknya juga, peguam defendan gagal menyoal balas atau mengesyorkan kepada plaintif bahawa plaintif telah mendapat kecederaan tersebut akibat dari satu kemalangan yang lain sama ada sebelum atau selepas kemalangan pada 18 Ogos 2000 tersebut. Kecederaan kepada radius kiri ini tidak dapat dikesan oleh doktor di Hospital Sultanah Aminah berkemungkinan disebabkan beberapa faktor antaranya kecederaan ini adalah tidak serius jika dibandingkan dengan lain-lain kecederaan yang dialami oleh plaintif waktu itu. Oleh itu kecederaan ini tidak diberikan perhatian sewajarnya oleh doktor yang merawat beliau. Lagi pun plaintif berada di hospital itu hanya untuk beberapa jam sahaja sebelum beliau berpindah ke Singapore General

Hospital. Oleh itu, kecederaan radius kiri plaintif hanya pertama kali dikesan oleh doktor yang merawat beliau di Singapore General Hospital tersebut. Kecederaan ini kemudiannya disahkan oleh dua doktor pakar yang memeriksa plaintif. Plaintif telah berpindah ke Singapore General Hospital empat jam selepas kemalangan dari Hospital Sultanah Aminah dan dalam tempoh tersebut plaintif tidak ada terlibat dengan apa-apa kemalangan yang lain, oleh itu tiada berlaku putus rantaian kejadian (no break in chain of events).

[9] Atas alasan tersebut di atas, adalah selamat untuk mahkamah menganggap dan memutuskan bahawa kecederaan radius kiri plaintif di sini terbit akibat daripada kemalangan jalanraya yang beliau alami dengan defendan pada 18 Ogos 2000. Oleh itu, HMS telah silap dalam keputusannya yang tidak membenarkan apa-apa award untuk item bagi kecederaan ini. Dengan itu rayuan plaintif terhadap item (a) ini adalah dibenarkan.

[10] Sekarang saya beralih kepada isu kuantum yang wajar diberikan untuk kecederaan radius kiri plaintif. Peguam plaintif mengesyorkan jumlah RM10,000 iaitu jumlah yang sama yang telah diberikan oleh HMS untuk kecederaan yang sama di tangan kanan plaintif. Peguam defendan tidak berhujah tentang isu kuantum pada peringkat ini. Mahkamah telah mengambilkira bahawa kecederaan ini telah pulih sepenuhnya tanpa sebarang residual. Mahkamah telah merujuk kepada kes-kes berikut sebagai panduan:

(i) *Abdul Wahab Jam Jam v Abdul Wahab Abdullah & Anor* [2008] 7 MLJ 277; [2008] 7 CLJ 741 di mana untuk *compound grade I fracture of the right radius and ulna* diberikan RM18,000;

(ii) *Tan Her Chia v Yeow Wuen Hau* [2007] 1 LNS 164 untuk *closed fracture of left radius and ulna with bend implant DLP* diberikan RM20,000;

(iii) *Shamsudin bin Shafie lwn Lim A Kau* [2002] 7 MLJ 326 untuk *Borton's fracture of left radius with serious disabilities* diberikan RM25,000; dan

(iv) *R Januari bin Ramalan v Fong Seng Yong* (1991) MMD (Aug) para 875 untuk *fracture of right radius and 5th metacarpal* diberikan RM20,000.

[11] Dalam kes kita jumlah RM10,000 yang dihujahkan oleh peguam plaintif adalah satu jumlah yang sangat berpatutan lebih-lebih lagi apabila menimbangkan faktor inflasi serta nilai mata wang sekarang ini. Walau apa pun, saya membenarkan RM10,000 untuk kecederaan radius kiri plaintif seperti dihujahkan oleh peguam.

Item (b) dan (c) Kehilangan Pendapatan

[12] Peguam plaintif berhujah bahawa HMS telah membuat kesilapan di

A sisi undang-undang dan fakta apabila gagal memberikan award untuk kehilangan pendapatan penuh/sebenar pada kadar SD2,880 sebulan untuk selama enam tahun empat bulan walaupun HMS menerima keterangan bahawa plaintif bekerja sebagai tukang kayu di Singapura. Peguam juga berhujah HMS silap apabila gagal memberi award untuk kehilangan
B pendapatan sebahagian (partial loss) bagi tempoh selepas perbicaraan. Plaintif menuntut jumlah kehilangan pendapatan sebenar bersih pada kadar RM5,540.60 sebulan setelah menolak perbelanjaan sara hidup (living expenses) untuk selama 78.5 bulan menjadikan jumlah semuannya RM434,937.10. Bagi kehilangan sebahagian pendapatan untuk masa akan
C datang, peguam berhujah pada kadar 50% dari pendapatan sebenar yang diambil kira iaitu RM2,770.30 untuk tempoh selama baki 113.5 bulan yang berjumlah RM314,429.05.

D **[13]** Secara ringkasnya alasan HMS menolak tuntutan plaintif untuk kehilangan pendapatan agak mengelirukan. Dalam alasan penghakimannya, HMS berkata 'Mahkamah menerima keterangan plaintif pertama yang beliau bekerja sebagai tukang kayu sebelum kemalangan. Walaupun tidak ada keterangan dokumentari, majikan tidak dipanggil tetapi terdapat keterangan
E lain iaitu keterangan SP3 yang menunjukkan plaintif pertama bekerja'. HMS langsung tidak membuat dapatan apakah pendapatan atau gaji plaintif pertama tersebut sebagai tukang kayu. HMS tidak juga memutuskan apakah jumlah kehilangan sebenar pendapatan plaintif sebulan serta tidak mengulas langsung tentang isu berkaitan kos sara hidup walaupun keterangan
F mengenai isu itu telah dikemukakan ke mahkamah terutama sewaktu plaintif pertama disoal-balas. Walau bagaimanapun di akhir penghakimannya, HMS membuat keputusan 'seperti yang saya nyatakan di atas tadi, saya menerima keterangan Dr Nerash yang mencadangkan plaintif pertama menjalani 'hip fusion'. Saya juga terima keterangan Dr Nerash yang plaintif pertama boleh
G bekerja semula sebagai tukang kayu selepas 'hip fusion' dibuat. Oleh kerana plaintif pertama boleh bekerja semula selepas 'hip fusion' dibuat maka tuntutan plaintif pertama untuk kehilangan pendapatan adalah tidak dibenarkan'.

H **[14]** Dengan hormatnya, pada pandangan saya HMS telah keliru tentang fakta dalam kes di hadapan beliau. Walaupun plaintif boleh bekerja semula selepas 'hip fusion' tetapi sehingga kes ini diputuskan oleh HMS tersebut, 'hip fusion' masih lagi belum dijalankan ke atas plaintif pertama. Keputusan
I HMS bukan sahaja bercanggah dengan dapatan beliau di awal penghakimannya, malahan pada pandangan mahkamah dapatan awal beliau itu juga tidak boleh dipertahankan. Setelah menyemak nota keterangan dalam rekod rayuan, tiada saksi SP3 yang telah memberi keterangan berkaitan pekerjaan dan pendapatan plaintif pertama selain keterangan plaintif pertama sendiri (SP2). Saksi majikan langsung tidak dipanggil. Tidak

ada penjelasan kenapa saksi majikan tidak dipanggil untuk memberi keterangan walaupun plaintif mengatakan majikan tidak boleh hadir 'sebab dia kata dia sibuk' dan syarikat EDZ, tempat beliau bekerja masih beroperasi di Singapura. Plaintif hanya mengemukakan sesalinan surat dari majikannya yang ditandakan sebagai eks ID5 (tidak dipersetujui). Di dalam dokumen inilah yang menyebutkan pekerjaan plaintif pertama sebagai tukang kayu dengan pendapatan bulanan SD2,340.

[15] Kehilangan pendapatan sebenar dan kehilangan pendapatan separa merupakan item ganti rugi khas. Prinsip undang-undang matan bahawa setiap tuntutan ganti rugi khas hendaklah dibuktikan dengan ketat. Begitu jugalah sesuatu dokumen tidak akan diterima sebagai keterangan (admissible) hanya dengan semata-mata dikemukakan kepada mahkamah dan ditandakan sebagai eksibit sehingga pembuat dokumen itu dipanggil dan disoal-balas. Begitu jugalah halnya dengan eks ID5 dalam kes kita sekarang. Dalam kes *Allied Bank (M) Bhd v Yau Jiok Hua* [1998] 6 MLJ 1 di ms 14, diputuskan:

> It is settled law that where a document is sought to be proved in order to establish the truth of the facts contained in it, the maker has to be called (see *R v Gillespie* (1967) 51 Cr App Rep 172; *R v Plumer* (1814) R & R 264; *Hill v Baxter* [1958] 1 QB 277; *R v Moghal* (1977) Crim LR 373). Non compliance with this rule will result in the contents of the documents being hearsay. The evidential effect of a document which has not been properly proved was described by Abdoolcader J (as he than was) in *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Hj Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 at p 183 in the following terse terms:
>
> > It is necessary to refer to certain exhibits which have been put in the course of these proceedings for identification but have not in fact been proved as they should have been and are accordingly not exhibits in the strict sense and cannot therefore form part of the record in this case, namely, D41 and D43 which were both put in for identification only... As these two exhibits have not been proved and properly admitted as such, they must in the ultimate analysis be discounted and I shall accordingly disregard references to them and also all oral testimony as well adduced in relation thereto...

[16] Berdasarkan keputusan dalam kes *Allied Bank* dan *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Hj Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 di atas, mahkamah ini menolak dokumen ID5 sebagai keterangan atas alasan pembuat dokumen itu tidak dipanggil untuk memberi keterangan yang menjadikan dokumen itu sebagai keterangan dengar cakap (hearsay). Oleh itu HMS telah silap dalam membuat rujukan dan berpaut kepada ID5 semasa membuat dapatan mengenai pekerjaan plaintif. ID5 hendaklah diketepikan kerana tidak ada keterangan mengenai usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memanggil pembuat dokumen itu ke mahkamah. Selain keterangan plaintif sendiri yang mengatakan bahawa beliau bekerja sebagai tukang kayu dengan pendapatan SD1,500 sebulan tiada keterangan dikemukakan untuk membuktikan

pendapatan plaintif sebenarnya walaupun adalah munasabah seseorang itu bekerja untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara hidupnya serta keluarganya.

[17] Atas alasan dinyatakan di atas, mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa plaintif pertama telah gagal untuk membuktikan kehilangan pendapatannya. Mahkamah tidak boleh memetik satu angka begitu sahaja tanpa bukti yang kukuh bagi membenarkan tuntutan plaintif disini. Oleh itu mahkamah menolak rayuan plaintif pertama untuk item (b) dan (c) bagi kehilangan pendapatan sebenar dan separa.

Item (d) Kos perubatan Singapore General Hospital

[18] Peguam plaintif berhujah HMS telah membuat kesilapan apabila hanya membenarkan 1/3 daripada jumlah RM16,305.56 yang telah dibayar sendiri oleh plaintif kepada hospital di Singapura. Peguam mengatakan HMS gagal mengambilkira jumlah keseluruhan bil-bil rawatan plaintif di Singapura adalah sebanyak RM100,521.83 dan berhujah plaintif sepatutnya dibenarkan menuntut keseluruhan jumlah RM16,305.56. Peguam juga berhujah bahawa plaintif pindah ke Singapore General Hospital bertujuan untuk mendapatkan 'government grant' sebanyak 80% oleh kerana plaintif bekerja di Singapura.

[19] Alasan yang telah diberikan oleh HMS dalam membenarkan 1/3 daripada jumlah RM16,305.56 adalah kerana 'plaintif pertama gagal membuktikan justifikasi mendapat rawatan di hospital Singapore'. Alasan plaintif pergi mendapatkan rawatan di Singapura kerana untuk mendapatkan 'government grant' dan alasan ini bukanlah asas sebenar yang membolehkan untuk tuntutan sepenuhnya kos rawatan di Singapura dibenarkan oleh mahkamah. Justifikasi sepatutnya diberikan oleh plaintif adalah oleh kerana rawatan bagi kecederaannya tidak terdapat di Hospital Sultanah Aminah. Ini telah gagal dibuktikan oleh plaintif. Kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah kecederaan-kecederaan yang biasa dan rawatan yang setara boleh diperolehi di Hospital Sultanah Aminah dengan belanja yang sangat minima, boleh jadi tak sampai pun RM16,000. Tidak juga dibuktikan oleh plaintif rawatan di Singapore General Hospital jauh lebih baik dari di Johor Bahru. Nas-nas yang telah diputuskan menyokong keputusan HMS dalam perkara ini. Dalam kes *Chai Yee Chong v Lew Thai* [2004] 2 MLJ 465; [2004] 2 CLJ 321, Abdul Hamid Mohamed FCJ (ketika itu) memberikan pandangan berikut:

> ... (a) It is a matter of principle that the quantum of damages awarded for private medical expenses must be reasonable, (b) If the treatment sought was at a government hospital, then the expenses incurred should be awarded as a matter of course, (c) However, if the expenses were incurred at a private hospital, the claimant must prove that it was justified to seek treatment at a private hospital and

that the amount incurred was reasonable, (d) If the court is not satisfied that the treatment at a private hospital was justified depending on the circumstances and facts of each case, the court should dismissed the claim altogether or award an amount not exceeding 1/3 of what is claimed, which is a matter of practice and not provided by any written law, (e) If it is shown in a particular case that an award of 1/3 of the amount claimed is excessive in relation to expenses that would have been incurred in a government hospital, an amount less then 1/3 may be awarded, (f) The court may award what it considers reasonable, which may be the full amount claimed.

[20] Dalam kes di hadapan kita sekarang, jumlah yang dituntut merupakan jumlah yang sebenarnya telah dibayar oleh plaintif iaitu RM16,305.56. Oleh itu 1/3 adalah dari jumlah ini dan bukan atas jumlah besar oleh kerana 80% daripada jumlah besar tersebut dibayar oleh pihak ketiga dan bukan oleh plaintif sendiri. Oleh itu keputusan HMS yang membenarkan 1/3 dari jumlah RM16,305.56 merupakan pelaksanaan kuasa budibicara HMS tersebut. Mahkamah mendapati pelaksanaan kuasa budi bicara tersebut berasas kepada prinsip undang-undang dan nas-nas yang kukuh. Mahkamah ini tidak harus campur tangan dalam pelaksanaan kuasa budi bicara oleh HMS tersebut kecuali terdapat kesalahan nyata atas rekod. Oleh itu juga, rayuan plaintif atas item ini tidak dibenarkan.

[21] Akhirnya, sebagai kesimpulan, mahkamah membenarkan rayuan plaintif pertama terhadap item (a) iaitu ganti rugi am bagi kecederaan kepada radius kiri dengan kuantum sebanyak RM10,000 dan menolak rayuan tehadap item (b), (c) dan (d). Mahkamah juga membenarkan faedah yang biasa bagi ganti rugi am yang dibenarkan tersebut serta kos rayuan ini dibayar oleh respondan/defendan kepada perayu/plaintif pertama.

Sebahagian rayuan plaintif pertama dibenarkan dengan kos.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed